

ASEAN perlu serius promosi pelbagai etnik

Oleh
HAIRULAZİM MAHMUD

LANGKAWI 26 Jan. — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ASEAN perlu mempromosikan secara serius aspek kepelbagaian etnik, budaya dan agama melalui pakej destinasi pelancongan tunggal bagi menarik lebih ramai pelancong asing ke rantau ini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, negara-negara ASEAN perlu bekerjasama rapat mengeksplorasi sepenuhnya keistimewaan tersebut kerana ia tidak boleh didapati di tempat-tempat lain di dunia ini.

“Malaysia sendiri mempunyai 30 etnik yang berbeza, Indonesia pula 200 etnik, sementara Thailand, Singapura, Vietnam, Laos, Brunei dan Fi-

lipina ada budaya tersendiri yang penuh warna-warni,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Pelancongan ASEAN (ATC) anjuran Persatuan Pelancongan ASEAN (ASEANTA) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Micheal Toyad dan Presiden ASEANTA, Agus Salim.

Penerbangan

Bagi melaksanakan usaha tersebut, Dr. Mahathir mencadangkan supaya sistem perhubungan dan pengangkutan khususnya udara dipertingkatkan dengan negara-negara rantau ini menambah penerbangan bagi pelancongan intra-ASEAN.

“Penerbangan tambang murah juga perlu dipertingkatkan dan negara anggota perlu membuka lebih banyak lapangan terbang bukan sahaja di bandar-bandar utama tetapi juga di kawasan luar bandar dan pekan kecil,” ujarnya.

Selain itu, tambahnya, pelaksanaan visa tunggal ASEAN mampu menarik pelancong ke seluruh ASEAN kerana mereka tidak perlu melalui kerena birokrasi yang sukar.

Katanya, pengenalan dokumen perjalanan seperti itu banyak memberi kemudahan kepada para pelancong dan usaha menjadikan rantau ini sebagai destinasi pelancongan tunggal akan lebih berjaya.

“Sebagai contoh, Kesatuan Eropah, mereka telah lama melaksanakan sistem ini dan ternyata berjaya, malah mereka

kini menggunakan satu krenah.

“Memang menarik menerima pelancong, lebih-lebih lagi apabila mereka menggunakan visa tunggal Asia Tenggara. ASEAN perlu mempertimbangkan perkara ini kerana ia sememangnya memudahkan pelancong,” ujar beliau.

Sebagai permulaan, jelasnya, Malaysia, Singapura dan Brunei membenarkan para pelancong berada di negara itu selama dua minggu tanpa visa.

Dalam pada itu, bekas Perdana Menteri yang juga arkitek pembangunan Langkawi itu turut mengesyorkan supaya ASEAN memasukkan aspek kelebihan cuaca.

Jelas beliau, Asia Tenggara memiliki cuaca yang konsisten dengan panas dan lembap sepanjang ta-

hun berbanding sesetengah negara di bahagian utara yang terlalu sejuk seperti Rusia dan terlalu panas seperti di negara-negara Asia Barat.

Sebagai contoh di Malaysia, katanya, negara ini memiliki cuaca panas dan lembap yang dapat memelihara kecantikan kulit berdasarkan kandungan udara yang mengandungi air sebagai pelembap.

Sementara itu, ketika sesi dialog bersama para delegasi, Dr. Mahathir menyeru semua pihak meraikan kepelbagaian budaya sebagai aset pelancongan serantau.

Katanya, walaupun ada usaha negara tertentu memperkenalkan nilai-nilai universal mengikut acuan mereka, penduduk rantau ini seharusnya mengekalkan imej tersendiri kerana ia adalah keis-



DR. MAHATHIR

timewaan yang dianugerahkan Tuhan.

“Mana mungkin penduduk ASEAN yang berkaki kecil memakai kasut bersaiz orang Eropah,” kata beliau sebagai perbandingan.

Ketika ditanya bagaimana ASEAN boleh menangkis amaran perjalanan yang dikeluarkan oleh negara tertentu kepada rakyat mereka, Dr. Mahathir berkata, negara-negara anggota perlu secara agresif mempromosikan rantau ini dengan maklumat yang tepat mengenai situasi sebenar di negara masing-masing.

um - 27/1/2005: 2